

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**
RUJUKAN : **BL6 [PR-1342-T74415]**
SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan senaraikan lokasi tanah yang ditetapkan sebagai kawasan lapang pada asalnya yang telah ditukar untuk menjalankan projek pembangunan komersial dan kediaman sejak Jun 2013 sehingga hari ini. Nyatakan nama projek pembangunan di setiap lokasi kawasan lapang asal tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, pembangunan di Kuala Lumpur telah mengambil kira kesesuaian dan kepentingan pembangunan kepada rakyat. Sehubungan itu, beberapa tapak yang sebelum ini dizonkan sebagai kawasan lapang tetapi kurang sesuai akan dibangunkan bagi tujuan pembangunan sama ada kediaman, perdagangan atau rekreasi mengikut kesesuaian pembangunan.

Antara tapak-tapak tersebut adalah seperti berikut:-

Bil.	Cadangan	Lot	Status Permohonan
1.	Cadangan menaiktaraf taman rekreasi dan tambahan kiosk sementara	Lot 716, Medan Imbi	Dalam Pertimbangan JKPS.
2.	Cadangan pembangunan 2,598 unit pangsapuri (1,536 unit PPA1M)	Plot 5	Dalam Pertimbangan JKPS.
3.	Cadangan pembangunan 4 blok pangsapuri i. 2 blok 1,342 unit pangsapuri; dan ii. 2 blok 1,360 unit PPA1M	Lot PT 15299, Mukim Petaling	Dalam Pertimbangan JKPS.
4.	Pembangunan 2 blok pangsapuri mampu milik (1,050 unit) dan 2 blok pangsapuri (1,052 unit) RUMAWIP .	Lot 15252, Lebuhraya Bukit Jalil, Mukim Petaling	Dalam Pertimbangan JKPS.